

## Manuskrip Lama: Asas Keupayaan dan Kearifan Melayu Tradisi

ATIKAH ABD. AZAM & OTHMAN YATIM

### ABSTRAK

*Secara keseluruhannya artikel ini cuba memberi gambaran ringkas mengenai manuskrip Melayu. Manuskrip Melayu dianggap sebagai salah satu sumbangan masyarakat Melayu tradisi yang berupaya menghasilkan buah fikiran yang dapat digunakan sehingga kini. Gambaran yang terukir melalui penghasilan ini mencerminkan keupayaan masyarakat yang kreatif dan pada dasarnya juga penghasilan manuskrip ini turut mencerminkan budaya hidup masyarakat lampau. Dalam menelusuri situasi ini, perlunya pengenalan manuskrip secara keseluruhannya. Ia mencakupi dari gambaran bentuk fizikal sehinggalah gambaran isi kandungannya.*

*Kata kunci: manuskrip Melayu, warisan budaya, amalan budaya, tulisan tangan*

### ABSTRACT

*Generally this article provides a brief overview of Malay manuscripts. Malay manuscript is considered to be one of the contributions of traditional Malay society who are able to produce ideas that can be utilised until now. The production of this manuscript reflects the ability of the creative community and basically its production also reflects the cultural life of the Malays of the past. In studying this situation, the introduction of a manuscript in general is really needed. It covers the physical picture and its content.*

*Key words: Malay manuscript, cultural heritage, cultural practice, hand writing*

### PENGENALAN

Warisan budaya Melayu dapat dikesan sekurang-kurangnya bermula sejak dari zaman batu sehingga manusia mula bertamadun. Budaya yang diamalkan mempengaruhi cara hidup dan kegiatan harian masyarakat. Cara hidup ini merangkumi kepercayaan, keagamaan, corak pekerjaan, permainan dan amalan harian. Namun amalan budaya masyarakat

bergantung terhadap pengaruh yang dibawa dari luar. Bermula dari hidup dengan gaya secara primitif sehinggalah dipengaruhi oleh budaya hidup Hindu-Buddha dan seterusnya setelah Islam masuk, kepercayaan masyarakat mula tunduk kepada yang satu. Walaubagaimana pun, sedikit sebanyak pengaruh Hindu-Buddha masih bertapak dan menjadi amalan mereka, khususnya setelah melalui proses penapisan. Terutamanya dalam upacara pertunangan dan perkahwinan. Selain itu juga masyarakat turut menyelitkan unsur-unsur dewa dewi semasa bergiat mencipta penceritaan dalam menghiburkan masyarakat. Amalan ini berterusan, dari penceritaan lisan bertukar dalam bentuk catatan. Bermula era ini, sekelompok masyarakat yang celik akal dan berpengetahuan giat menulis. Cerita-cerita yang digambarkan ini berkenaan sifat seorang pemerintah yang disifatkan sebagai seorang perwira, pejuang dan berpengaruh. Kegiatan menulis ini bukan sekadar diliputi dengan bentuk penceritaan namun ia turut dipergiatkan dalam menulis ilmu agama, perundangan dan perubatan melalui perantaraan beberapa media penulisan.

Hasil pertukaran barang dagangan luar menyemarakkan lagi kegiatan penulisan ini. Lebih-lebih lagi apabila barang-barang seperti kertas yang dibawa masuk oleh pedagang dari Arab dan China. Bagi pedagang Arab pula, di samping berdagang mereka turut bergiat menyebarkan ilmu agama. Keadaan ini lebih merancakkan lagi kegiatan penulisan. Namun, sekitar akhir abad ke 19 penulisan ini mula berkurangan dan terhenti. Ia bermula setelah alat percetakan diperkenalkan. Sejak itu, penulisan masyarakat tradisi ini dianggap sebagai sebuah artifak. Ia disebabkan kesukaran untuk memperolehi hasil penulisan tangan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya istilah manuskrip. Secara ringkasan, manuskrip ini diambil dari perkataan Inggeris iaitu '*manuscript*' (Abu Hassan Sham 2003: 41). Namun istilah ini tidak berdiri sendiri tanpa ungkapan Melayu. Oleh itu, gabungan dari perkataan-perkataan manuskrip dengan Melayu '*Manuskrip Melayu*' memberi erti terhadap hasil karya penulisan tangan, berskrip Jawi dengan menggunakan versi Melayu yang dihasilkan sekitar abad ke 16 sehingga 19 (Perpustakaan Negara 2002:14).

Kesan penerokaan sarjana tempatan, manuskrip Melayu ini telah wujud seawal abad ke 15 (*Utusan Malaysia* 2007). Namun kesahihan kewujudannya masih samar dan belum dapat diketahui dengan jelas tentang tarikh awal penghasilannya (Ding Choo Ming 2006). Namun manuskrip Melayu yang ada dan menjadi penemuan kini iaitu '*Hikayat Raja-Raja Pasai*'. Manuskrip ini dipercayai merupakan kitab yang tertua di dalam kesusasteraan Melayu. Ia merupakan hasil jumpaan sekitar abad ke 16. Dipercayai manuskrip ini salah satu hasil salinan semula. Perjalanan

cerita adalah berkisahakan kehidupan Raja-Raja Pasai. Selain itu, satu lagi penemuan sekitar tarikh 998 Hijrah bersamaan 1590 Masihi. Manuskrip tersebut adalah ‘*Aqa'id Al-Nasafi*’ (UPSI 2008). Manuskrip tersebut merupakan hasil kitab terjemahan. Foto 1 menggambarkan contoh sebuah manuskrip Melayu.



Foto 1. Gambar hiasan contoh manuskrip Melayu ‘*Kitab Hikam*’

## GAYA PENULISAN MANUSKRIP

Tercermin akan keupayaan masyarakat tradisi ketika itu, berkemahiran tinggi dan berkeupayaan menghasilkan begitu banyak manuskrip. Manuskrip tersebut bukan sekadar catatan harian, tetapi ilmu yang terkandung dalamnya amat luas. Ia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan harian. Kandungnya menyeluruh dan luas merangkumi seluruh bidang seperti perundangan, pentadbiran, tatakengaraan, agama, ramalan, perubatan, kepercayaan, penceritaan serta sejarah asal usul negeri, agama dan keturunan. Dapat dikesan, pengarang manuskrip ini boleh dikatakan terdiri dari kalangan yang berpengetahuan dan berpendidikan. Mereka

ini dianggap benar-benar mengetahui dan menerokai sesuatu bidang tersebut (Wan Ali Wan Mamat 2002).


Walaupun masyarakat tradisi mula hidup dalam ruangan tamadun dan mempunyai pegangan agama, namun sifat akan percaya terhadap ilmu alam masih kuat. Amalan tersebut seperti mempercayai kepercayaan karut dan memuja. Kelompok masyarakat ini kebiasaannya diamalkan oleh golongan petani dan nelayan. Golongan petani kebanyakannya mempercayai bahawa setiap hasil dari tanaman tersebut dijaga oleh kuasa lain. Begitu juga puak nelayan yang memuja pantai sebelum memulakan penangkapan ikan. Fahaman ini berterusan sehingga dalam upacara mengubati penyakit. Penemuan ini banyak dijumpai dari hasil catatan ilmu berupa jampi serapah, mantera dan azimat. Selain itu, terselit juga ilmu petua yang menjadi peringatan sebagai tanda berjaga-jaga ketika melakukan kegiatan harian. Petua tersebut bukan sekadar amalan biasa, malah turut memberi panduan yang berguna. Dapat dikesan, penulisan petua ini berdasarkan pemerhatian yang disusuli dengan dalil dan panduan Islam. Jelas, menampakan satu kelebihan masyarakat tradisi yang berkeupayaan dalam menginterpretasi dari hasil pemerhatian. Kesesuaian petua ini juga boleh digunakan dalam situasi moden hari ini.

Penulisan manuskrip kebanyakannya berbentuk penceritaan walaupun dalam menyatakan sejarah, asal usul tempat dan pembukaan negeri. Begitu juga dengan sejarah semasa zaman pemerintahan raja-raja sehingga kedatangan Portugis. Denisova (2011) menganggap bahan ini boleh dikatakan berfungsi sebagai bahan sejarah, walaupun ia sudah ditokok tambah dengan unsur-unsur mitos, lagenda dan khayalan. Uniknyanya, banyak kesan pengulangan ayat ditemui. Sesetengah pula menggunakan ayat yang panjang dan sukar untuk difahami. Keadaan ini seolah-olah memberi satu gambaran terhadap sifat penulisan masyarakat tradisi. Ia dilambangkan sebagai identiti corak penulisan yang kreatif.

Walaubagaimana pun, penulisan manuskrip ini banyak ditulis mengenai ilmu agama. Kesan ini dari lantaran suatu ketika, Melaka menjadi pusat dagangan yang maju. Melaka menjadi salah satu negeri yang terkenal. Ramai perdagang luar datang berdagang di situ. Hasilnya secara tidak langsung, membuka ruang dan peluang dalam menyebarkan ilmu agama. Kebanyakan pedagang terdiri dari orang-orang Arab-Islam. Berlanjutan dari penyebaran Islam ini, sekelompok masyarakat mengambil peluang mencatat perkara-perkara yang dipelajarinya.

Tradisi penulisan manuskrip dikategorikan beberapa peringkat penulis. Seperti yang dinyatakan oleh Michel Foucault melalui perbicaraan dan penerangan Ding Choo Ming (2003:19). Gambaran ini membayangkan

dari awal penulis bergiat sehingga penghasilan penulisan ini diwarisi. Keadaan ini disebabkan manuskrip tidak bertahan lama akibat dari persekitaran yang lembab dan mudah reput. Hampir keseluruhan penulisan manuskrip musnah walaupun sudah bergiat lama. Manuskrip yang ada kebanyakannya hasil yang dikarang pada abad ke18 sehingga 19. Disimpulkan bahawa keupayaan masyarakat ketika itu berfikiran bijak dengan bertindak segera serta berusaha menyalin semula manuskrip tersebut. Seperti carta di bawah ini, terdapat lima peringkat dan pergolangan penulis manuskrip.



Di awal peringkat penulisan ini, penulis asal merupakan orang yang pertama mencetuskan ilmu yang dibawa oleh pencerita lisan. Golongan ini biasanya mempunyai pengetahuan yang tinggi. Identiti penulis asal ini tidak diketahui memandangkan masyarakat terdahulu yang sangat merendah diri dan menganggap karya tersebut adalah hasil dari semua pihak dan boleh dirujuk oleh sesiapa sahaja. Penghurai, generasi kedua yang membawa ilmu dari generasi pertama. Situasi ini berlaku setelah guru memperturunkan ilmu. Ilmu-ilmu tersebut dicatat dan dihurai mengikut pengetahuan dan pandangan mereka.

Bagi peringkat terjemah, penulis mempergiatkan penulisan dengan menghuraikan isi kandungan yang lebih teratur serta penghuraian pengistilahan makna ayat secara terang dan panjang lebar. Generasi ini menterjemah mengikut penggunaan dialek-dialek yang mudah difahami oleh penduduk tempatan. Hasil dari terjemahan ini ditemui banyak versi bahasa seperti Aceh, Jawa, atau Bugis (Institut Terjemahan Negara 2001:34). Penyusun adalah mengulas kembali dari bahasa dan isi kandungan supaya lebih mudah difahami. Untuk memastikan ilmu yang disampaikan difahami dan tepat, komentar bergiat sebagai menokok tambah pemahaman dan menghurainya dengan lebih tepat serta mendalam. Tugas generasi terakhir ini membahagikan karya-karya tersebut dengan membahagikan bidang ilmu-ilmu tertentu. Kebiasaannya, plot cerita adalah sama hanya ditukarkan dengan watak tempatan, latar masyarakat tempatan dan mengaitkan dengan suasana tempatan.

## PERALATAN PENULISAN MANUSKRIP

Kegiatan menulis dipercayai bermula dari rentetan penulisan di atas batu. Seperti gambaran penemuan batu bersurat di Terengganu. Namun batu bersurat ini tidak dianggap sebagai sebuah manuskrip oleh sarjana (Abu Hassan Sham 2003: 41). Ia diistilah sebagai prasasti. Pengaruhnya telah memberi kesan terhadap penulisan manuskrip ini. Selain itu, pedagang luar turut mempengaruhi hasil penulisan manuskrip ini. Seperti penggunaan bahan tulisan, kertas yang digunakan dibawa dari negara Arab, China, India dan Eropah manakala dakwat pula dibawa dari China (Perpustakaan Negara 1997: 2). Dengan kehadiran bahan-bahan ini telah merencanakan lagi penulisan manuskrip. Bagi pedagang Arab, di samping berdagang, mereka turut bergiat menyebarkan ilmu pengetahuan agama sehingga terbuka ruang penduduk tempatan mererekod dengan mengarang apa-apa sahaja yang dipelajari. Namun catatan ini bukan sekadar untuk rujukan perseorangan, tetapi juga untuk digunakan oleh umum.

Secara umumnya bentuk fizikal manuskrip Melayu adalah berbentuk sebuah buku, yang diperbuat dari bahan-bahan seperti kertas, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain, kulit binatang dan kulit pokok (Perpustakaan Negara 2002). Kadangkala berbentuk gulung atau kepingan. Penghasilannya amat teliti, berikutan terdapat kulit hadapan, halaman dalam serta kulit belakang. Helaian halaman manuskrip adalah bergantung kepada intisari dan isi yang dikarang. Bagi ukuran normal kertas yang digunakam berukuran antara 34 × 43 cm sehingga 21 × 17 cm dan

11 × 17 cm (Perpustakaan Negara 2002:33). Manakala ketebalan pula antara 0.3 cm sehingga 3 cm.

Sejarah awal penulisan manuskrip, sebenarnya bermula dari menulis di atas daun lontar kepada papyrus. Kesan perdagangan luar telah membawa masuk kertas. Melalui ini, penulis bertukar bahan kepada menulis di atas kertas yang disitilahkan sebagai 'water proof'. Kertas jenis ini diketahui diimport dari luar seperti dari Arab dan Eropah (Perpustakaan Negara 2002:27). Jenis kertas 'water proof' ini seakan-akan berwarna putih kekuningan dan putih kebiruan.

Pena yang digunakan adalah duri kabung dan mata resam. Ia bersesuaian dengan penggunaan dakwat yang diperbuat dari bahan mentah seperti jelaga, pohon gajus, kulit buah-buahan, minyak kelapa, pulut hitam dan garam. Kebiasaannya pengkarya akan menggunakan warna merah dan hitam. Warna ini serasi sehinggakan proses melukis turut menggunakan dakwat merah dan hitam.

Wan Ali Wan Mamat (2002) meletakkan tiga peringkat dalam proses penulisan. Pertama, persiapan sebelum menulis. Peringkat ini memastikan tiga bahan utama menulis disediakan seperti kertas, dakwat dan pena. Pengkarya akan memastikan kertas siap digaris dan dibuat pembahagian ruang penulisan. Peringkat kedua, proses semasa menulis. Pengkarya biasanya terdiri daripada anak murid kepada pengajar. Proses menulis dilakukan serentak secara beramai-ramai. Peringkat akhir, merupakan proses selepas manuskrip siap dikarang. Peringkat ini kebiasaannya pengkarya akan melukis hiasan (iluminasi). Kemudiannya kertas-kertas tersebut dijilid.

## SENI HIAS

Manuskrip lama merupakan manifestasi kepada daya kekeaktifan masyarakat terdahulu menghasilkan sesuatu hasil seni. Terdapat lakaran-lakaran hiasan pada halaman manuskrip. Keadaan ini membayangkan sifat pengkarya, yang mementingkan keindahan. Kehalusan dan ketelitian terbukti apabila hasil corak tersebut begitu indah dan menakjubkan, walaupun ia memakan ruang yang sangat kecil. Tanpa teknologi juga membolehkan mereka bertindak untuk mencari idea dalam mencantikkan halaman manuskrip.

Di sebalik hiasan ini, mungkin sebagai satu tarikan terhadap pembaca yang lain, memandangkan seni berfungsi memberi tarikan selain penulisan. Begitu juga dengan kaedah susunatur penulisan yang unik dengan keadaan

yang agak kucar kacir seperti tergambar pada Foto 2. Sesetengahnya pula berkeadaan kemas dan teratur. Ruang halaman digunakan sepenuhnya. Sehingga didapati seolah-olah tiada ruang untuk ditulis. Bahagian tepi dicoret catatan ringkas dimana ia dipanggil sebagai ‘matn’. ‘Matn’ satu istilah Arab yang bermaksud fakta utama seperti yang dinyatakan oleh Haji Abdul Aziz Ambak (pers.com. 2009). Huraian dari matn tersebut kebiasaannya diterangkan secara panjang pada ruang tengah halaman. Uniknyanya ‘matn’ tersebut dicoret secara bercorak. Seperti yang tergambar melalui Foto 2, manuskrip *Kitab Hikam*.



Foto 2. Gambar hiasan: Contoh ‘matn’ yang berbentuk penulisan ringkas di ruang tepi dan iluminasi yang menghiasi halaman pada *Kitab Hikam*

Sumber: Koleksi Perpustakaan Negara 2009

Timbul satu gambaran yang menyatakan keadaan tersebut membayangkan pemikiran masyarakat terdahulu begitu tajam dan sangat kreatif. Tidak dapat dibayangkan makna yang coba diungkapkannya. Jika dibandingkan di barat, masyarakatnya yang berani dalam mengengahkan sesuatu gambaran yang ditonjolkan secara terbuka. Berbeza, bagi masyarakat Melayu yang masih lagi mengawal sikap malu dan hormat. Luahan hanya disampaikan melalui hiasan-hiasan ini. Namun dijumpai manuskrip, yang mana pengkarya menggambarkan sesuatu yang pernah dilihat, seterusnya diberi gambaran dalam manuskrip ini.



Sebagai contohnya melukis jenis-jenis pedang walaupun lakaran tersebut hanya sekadar lukisan yang ringkas. Rata-rata, pengkarya manuskrip ini menghasilkan iluminasi atau rekahiasnya mengikut kesan mood. Perkara ini dikesan menerusi pemerhatian terhadap sesetengah manuskrip yang kandungan rekahiasnya tidak lengkap. Didapati di halaman yang dilukis corak, tidak dilengkapkan warnanya dan hanya dibiarkan begitu sahaja.

Kebiasaannya hiasan-hiasan ini banyak ditemui pada manuskrip yang ber kandungan ilmu agama, tilikan dan warkah. Simbol hiasan ini di samping memberikan tarikan, mungkin di sebaliknya membawa erti yang mendalam. Kebanyakan manuskrip berhias ini dikatakan mempunyai gaya identiti tersendiri. Tiga gaya yang berlainan tersebut terdiri daripada Aceh, Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu serta Pattani. Gaya Aceh mempunyai identiti yang tersendiri dan boleh dikatakan banyak dijumpai pada manuskrip Melayu ini. Selaras dengan kedudukan Aceh sebagai pusat penyebaran dan pembelajaran agama Islam yang utama (Perpustakaan Negara 2002:246). Keadaan ini tidak menjadi mustahil sekiranya kitab-kitab manuskrip terjemahan banyak dari Aceh.

Dalam mengenalpasti ciri-ciri gaya antara Aceh, Pantai Timur dan Patani ini, Annable Teh Gallop membuat rumusan dengan menerangkan tiga perkara utama perlu dilihat. Pertama, perlunya mengkategorikan jenis pola bingkai yang dilukis. Kedua, penting dalam mengetahui jenis penggunaan warna yang digunakan. Warna yang didapati sangat berbeza dengan mood warna terang, klasik dan ceria. Ketiga, motif-motif yang menjadi subjek utama terhasilnya gambaran iluminasi tersebut.

Kewujudan gaya Aceh mula dikesan sejak kurun ke 17 melalui warkah tertua berilluminasi Sultan Aceh kepada raja Inggeris. Gaya tersebut membayangkan gambaran bingkai yang ringkas tanpa menggunakan ruang yang banyak. Motif secara keseluruhannya menggunakan flora. Penggunaan warna terang yang menyisipkan warna asas seperti merah, biru dan sedikit kuning. Manakala gaya Pantai Timur dikesan melalui jumpaan warkah Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Van Der Capellan (Ab Razak Ab Karim 2003: 176). Gaya Pantai Timur menampakan gambaran iluminasi

Selain menjadi simbol keindahan, senihias turut berfungsi dalam mengetahui corak sejarah penghasilan manuskrip (Perpustakaan Negara 2002:252) Kepercayaan ini mungkin dapat dikesan melalui terdapat banyaknya koleksi manuskrip Melayu yang dipercayai berasal dari Aceh di simpan di Perpustakaan Negara masa ini.

## KESIMPULAN

Kini, manuskrip ini menjadi artifak yang sangat bernilai dan terpenting sebagai warisan tamadun bangsa yang amat berharga. Banyak pihak dan institusi bergiat dan berusaha menjaga serta mengumpul manuskrip ini. Pihak yang terlibat, antaranya adalah seperti Perpustakaan Negara, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara, Universiti Sultan Zainal Abidin, Muzium Budaya Melayu Melaka, Muzium Diraja Abu Bakar, Muzium Kelantan, Muzium Terengganu, Muzium Sarawak, Perpustakaan Negeri Kedah, Muzium Negeri Perlis, dan ada yang turut menjadi koleksi individu. Perpustakaan Negara beroperasi hampir sepenuhnya ke arah menyimpan manuskrip ini. Lebih dua puluh dua ribu buah manuskrip terkumpul dan disimpan di situ. Pusat ini juga turut mendokumenkan data-data penyimpanan manuskrip Melayu yang wujud di seluruh Malaysia dan di luar negara.

Sebagai usaha untuk memelihara manuskrip ini, Pusat Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara telah menubuhkan satu unit kecil. Unit ini bergiat untuk mengawal keadaan manuskrip-manuskrip tersebut. Pentingnya manuskrip ini dijaga dengan rapi agar keadaannya sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik sebagai warisan bangsa yang amat berharga untuk generasi kini dan juga generasi akan datang.

## RUJUKAN

- Ab Razak bin Ab Karim. 2003. *Melestarikan Manuscript Melayu, Illuminasi dan Khaligrafie dalam Warkah-warkah Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Abu Hassan Sham. 2003. *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Denisova, T.A. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ding Choo Ming. 2003. *Kajian Manuskrip Melayu, Masalah, Kritikan dan Cadangan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding Choo Ming. 2006. *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Perpustakaan Negara. 1997. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Perpustakaan Negara. 2001. *Malay Manuscript: An Introduction*. Kuala Lumpur: IAMM Publication.
- Perpustakaan Negara. 2002. *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). 2008. Seminar kebangsaan Tulisan Jawi. Tanjong Malim, 25 - 27 Ogos.

*Utusan Malaysia*. 2007. Manuskrip Melayu pasti tidak jatuh ke tangan asing. 13 Mac.  
Wan Ali Wan Mamat. 2002. Seminar manuskrip. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara  
Malaysia.

*Atikah Abd. Azam*  
*Pelajar Ph.D.*  
*Jabatan Sosio-Budaya*  
*Akademi Pengajian Melayu*  
*Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA.*  
E-mail: bulan\_3001@um.edu.my

*Othman Yatim, Ph.D.*  
*Profesor*  
*Jabatan Sosio-Budaya*  
*Akademi Pengajian Melayu*  
*Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA.*  
E-mail: othmany@um.edu.my

